



**SEMBAH ALU-ALUAN**

**YANG BERHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,  
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1441 HIJRAH  
PERINGKAT NEGARA**

**HARI SABTU (MALAM AHAD),  
1 MUHARRAM 1441H / 31 OGOS 2019M**

**BERTEMPAT  
JAME' 'ASR HASSANIL BOLKIAH  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالْمُكَوَّنِ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئْنِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلْهُ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah  
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien  
Sultan Dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun,

Dengan penuh hormat lagi ta'zim hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung ampun menyembahkan sembah junjung kasih dari sekalian hamba Kebawah Duli Tuan Patik dalam Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara tahun 1441 Hijriah dan juga Jawatankuasa Kerjanya di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik memberkati dan menyerikan Majlis Sambutan Awal Tahun 1441 Hijriah pada malam ini.

Alhamdulillah disembahkan bahawa seperti tahun-tahun sebelumnya, negara kita menyambut Awal Tahun Hijriah sebagai memperingati peristiwa hijrah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dari Mekah ke Medinah.

Peristiwa penting lagi bersejarah itu kita peringati dalam rangka ianya suatu syi'ar ugama Islam yang menjadi ugama rasmi negara. Sambil itu menyebarkan ajarannya demi kesempurnaan hidup individu dalam keluarga, masyarakat ramai dan bangsanya.

Dalam hubungan itulah setiap tahun kita menetapkan tema-tema tertentu sambutan.

Maka tema utama sambutan tahun ini ialah ***Rezeki Halal Mengundang Rahmat Negara Berkat***.

Motif tema ini ialah untuk menegaskan lagi bahawa kelangsungan kehidupan berugama yang sempurna, bernegara dan berbangsa yang berkemajuan dengan menguasai ilmu dan kemahiran, bertaraf hidup yang tinggi hendaklah juga disertai dengan ikhtiar dan usaha gigih mencapainya melalui jalan-jalan dan cara-cara halal dan syar'ie, sama ada bagi orang perseorangan mahu pun bagi bangsa dan negaranya. Cara sedemikian itulah yang diyakini akan mendatangkan rahmat dan berkat kepada semua yang berkenaan.

Alhamdulillah bagi kita di negara ini usaha memajukan dan memantapkan negara dalam semua aspek pembangunannya adalah menerusi jalan-jalan halal, atau patuh syari'ah (syariah compliant). Kerana kita membangunkan negara dalam semua bidang adalah dengan tidak membelakangkan ajaran ugama bahkan kerajaan pimpinan pemerintahan beraja kita adalah kerajaan yang bermotifkan lima tujuan utama ***maqasid syar'iah*** iaitu mewujudkan keperluan-keperluan untuk pelaksanaan tujuan **memelihara ugama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan, dan memelihara harta**.

Dengan itulah kita yakin negara ini sentiasa mendapat rahmat Allah berupa keamanan, keselamatan yang membawa kesejahteraan.

Gagasan ajaran ugama Islam seperti inilah yang ingin kita sebarkan menerusi peringatan hari-hari bersejarahnya seperti peristiwa Hijrah nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dari Mekah ke Medinah lebih seribu empat ratus tahun dahulu itu.

Dari rentitan peristiwa hijrah itu sendiri ia membekalkan kita umat Islam dengan pengajaran tentang kesetiaan kepada pemimpin, semangat mempertahankan pegangan ajaran Islam yang tulen daripada Allah menerusi nabi dan rasul-Nya Sayiduna Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Selain itu ia mengajarkan tentang kepentingan perancangan yang teliti dengan strategi-strategi yang rapi demi kejayaannya. Kepada Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat Baginda yang setia, hijrah itu sangat penting dijayakan demi kepentingan keselamatan pemimpin dan penyebaran dakwahnya serta kelangsungan ugama Allah yang disampaikannya, ugama *rahmatan lil 'alamin*.

Semantara dari segi yang lain iaitu hikmah Allah mentakdirkan hijrah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* ke Medinah itu berlaku dengan izin-Nya juga.

Tegasnya ialah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menetapkan bahawa penyebaran dakwah dan pelaksanaan yang sempurna ajaran-ajaran Islam sebagai ugama Allah *rahmatan lil 'alamin* itu memerlukan sokongan jentera pemerintahan. Dengan itu orang-orang Islam wajib mewujudkan negara dan kepimpinannya di wilayah-wilayah yang mereka kuasai di belahan bumi Allah ini.

Maka demikian itu yang terjadi. Negara Islam yang sulung telah tertubuh selepas peristiwa hijrah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Begitulah pada kurun-kurun seterusnya sampai ke zaman sekarang. Orang-orang Islam yang menguasai pemerintahan di wilayah-wilayah yang mereka warisi dan kuasai ada dengan negaranya.

Seperti halnya Brunei kita ini, berpemerintahan Islam sejak lebih enam ratus tahun yang lalu. Dan menerusi pemerintahannya itulah Islam telah kekal didaulatkan di Brunei. Ajaran-ajarannya dipatuhi dan dijadikan pedoman.

Dengan itu kita secara turun temurun telah bernegarakan Brunei yang kini jelas sepenuhnya dalam kekuasaan pemerintahan beraja Melayu Islam. Dengan itu kita bernegara adalah untuk mendokong pelaksanaan ajaran Islam khasnya dalam lima perkara maqasid syar'iah itu. Dan dengan itu adalah selaras dengan mafhum firman Allah dalam surah al-Haj ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنُوهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِاتَّوْا الزَّكُوْةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَلَلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

**Tafsirnya:**

"(Iaitu) mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi (dengan menubuhkan pemerintahan) nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat (yakni melaksanakan kewajiban-kewajiban keugamaan dan sosial) serta mereka menyuruh (berbuat) yang ma'ruf dan

*melarang yang mungkar (yakni melindungi dan menyediakan cara dan sistem yang menjamin kepentingan memelihara ugama, kepentingan memelihara keselamatan nyawa, kepentingan menjamin kesempurnaan akal, kepentingan menjaga kelangsungan keturunan dan seterusnya memelihara kepentingan harta – yang menjadi lima tujuan utama syar’iah). Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan”.*

Demikianlah peristiwa hijrah yang kita sambut dan rayakan setiap tahun. Ia membekalkan pengajaran moral dan spiritual beserta hikmah Allah *Subhanahu wa Ta’ala* yang mendatangkan rahmat kepada alam sejagat.

Ampun Beribu Ampun.

Demikianlah pula sekadar untuk maklumat latar belakang peristiwa bersejarah Hijrah yang diperingati setiap menjelang hitungan tahun baharunya yang dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik kita sambut dan rayakannya setiap tahun di peringkat negara dan dengan mengklisifikasikannya sebagai hari bersejarah yang menjadi sebahagian hari-hari kelepasan awam.

Dan buat mengakhiri sembah alu-aluan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan semua peringkat dalam Jawatankuasa Tertinggi Peringat Negara Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam dan Jawatankuasa Kerjanya sekali lagi menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik.

Abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian medoakan semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik akan sentiasa dalam perlindungan dan rahmat Allah, mendapat redha-Nya dengan berkat semua amal ibadat dan kebajikan.

Demikian juga sembah junjung kasih atas keberangkatan Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia  
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir  
Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Bendahara  
Seri Maharaja Permaisuara  
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal  
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia  
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat  
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat  
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Tetamu-Tetamu Khas,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan diplomat-diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebijakan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu wa Ta'ala jua. Amin ya rabbal 'alamin.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Khamis 28hb Zulhijjah 1440/29hb ogos 2019